

BULETIN UPIK

UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIL



MENARIK DI DALAM

- **PMM Memenangi Gold Medal, Best Award Dan Silver Medal Di i-ENVEX 2012**
- **Program Minggu Inovasi PMM Seti Disember 2011**
- **Bengkel Penulisan Geran Penyelidikan**



Dari Meja Editor

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah izinNya, Buletin Upik Politeknik Merlimau (PMM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kali pertama telah dapat diterbitkan seperti mana yang dirancang. Buletin berkala dua kali setahun ini bukti lonjakan paradigm pemikiran keratif dan inovatif pensyarah PMM. Sebagai pihak penerbit, saya bagi pihak semua ahli jawatankuasa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua editor dan penulis laporan yang sudi untuk bersama-sama berkongsi idea dan pengalaman di dalam penyelidikan dan inovasi demi meningkatkan kecemerlangan profesionalisme dan pendidikan Politeknik Merlimau khususnya dan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia secara keseluruhanya.

Buletin ini diterbitkan bagi tujuan untuk melaporkan penyelidikan dan penciptaan inovasi yang dijalankan oleh pensyarah dan pelajar Politeknik Merlimau. Selain itu juga ia bertujuan untuk mengenangkan projek-projek inovasi warga PMM yang berpotensi untuk dipatenkan atau dikomersilkan bersama-sama pihak industri. Diharap bulletin ini dapat dijadikan media interaksi di antara warga pmu dan pihak-pihak luar seperti IPTA dan industri-industri dan seterusnya dapat mencapai Misi Nasional teras kedua iaitu "MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENGETAHUAN DAN INOVASI NEGARA SERTA MEMUPUK MINDA KELAS PERTAMA". Sekian, Terima Kasih.

JAWATANKUASA UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & KOMERSIL (UPIK) 2012

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersil

Pn. Normah Binti Jantan

Timbalan Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersil

Cik Rodzah Binti Hj. Yahya

Setiausaha 1 (UPIK)

Pn. Farahaniza Binti Hj. Jaafar

Pegawai Penyelidikan

Tn. Hj. Mohammad Faisal Bin Ahmad

Pegawai Inovasi

Pn. Ruhana Wati Binti Iran

Pegawai Komersil

Pn. Nazirah Binti Mohamad Abdullah

Bahagian Pengurusan Pengkalan Data

En. Nasir Bin Hassan

Bahagian Promosi & Perhubungan

Pn. Hadijah Binti Kodiron

Penyelaras UPIKJK

Tn. Syed Abd. Halim Bin Syed Yusof

En. Abd Ghani Bin Rashed @ Mohamed

En. Ahmad Faizal Bin Aziz

En. Sarvinder Singh

Penyelaras UPIKJKM

Pn. Aizura Binti Abu Bakar

Pn. Myia Yuzrina Zalkis Binti Ayol

Penyelaras UPIKJPH

Pn. Mazura Binti Stapah

Cik Norlida Binti Osman

Pn. Rohaila Binti Abdul Razak

Penyelaras UPIKJMSK

Pn. Asmarizan Binti Mat Esa

Pn. Haslina Binti Hassan

En. Ruzaihan Bin Jaffar

Setiausaha 2 (UPIK)

Pn. Syakirah Binti Mansor

Penyelaras UPIKJKE

Pn. Nin Hayati Binti Mohd Yusoff

Pn. Syakirah Binti Mansor

Pn. Hasnizah Binti Geno

Penyelaras UPIKJP

En. Saiful Bakhtiar Bin Masduki

Pn. Suraini Binti Mat Abu

Pn. Noor Hafizah Binti Hassan

Pn. Surina Binti Hussin

Penyelaras UPIKJPA

Pn. Harwati Binti Hashim

Pn. Ida Sariani Binti Mohd Isa

SEMINAR HALATUJU DAN PENGKOMERSILAN PRODUK INOVASI BERSAMA INDUSTRI PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

Seminar Halatuju dan Pengkomersilan Produk Inovasi Bersama Industri Pelancongan dan Hospitaliti telah dilaksanakan pada 11 Jan 2012. Pengajur & Pelaksana Program dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH), Politeknik Merlimau Melaka. Objektif program ini untuk mengetahui hala tuju produk inovasi yang dicipta dan mendalami kaedah pengkomersikan produk inovasi yang efektif. Sasaran bagi program ini ialah pelajar Diploma Pengurusan Hotel dan Katering Semester 6 & Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Semester 6, Politeknik Merlimau Melaka. Jangkaan hasil kursus ini ialah pelajar mendapat idea dan mengetahui hala tuju produk inovasi yang akan dihasilkan.



MESUARAT PENJENAMAAN PRODUK

Mesuarat Penjenamaan Produk yang berlangsung pada 5 Mac 2012 telah dianjurkan oleh RNDCIC, PEJABAT KETUA MENTERI Melaka. Penyedia Aktiviti ialah ADASTRA INTELLECTUAL PROPERTY SDN BHD. Objektif program ini adalah memberi peluang IPT dan IKS membuat permohonan perlindungan harta intelek melalui perunding yang dipilih. Sasarannya adalah Industri dan IPT yang ingin membuat perlindungan harta intelek. Jangkaan Hasil Kursus Adastra Intellectual Property Sdn Bhd menjadi perunding dalam memohon perlindungan harta intelek. Perkara yang dibincangkan ialah kaedah yang sesuai bagi mengekalkan hak PMM ke atas produk milik PMM yang dikomersilkan, dan pengekalan Logo PMM pada label produk. Hasil dialog, perunding mencadangkan agar PMM mewujudkan dokumen kolaborasi di antara PMM dengan industri yang khusus kerana setiap industri mempunyai keperluan dan kepentingan yang berbeza. Selain itu Adastra Intellectual Property Sdn Bhd juga menawarkan untuk bertindak sebagai perantara semasa perundingan di antara PMM dengan industri dan membantu mencari titik tengah persefahaman di dalam perundingan tersebut. Cadangan Penambahbaikan program ini adalah perlu menjemput Adastra Intellectual Property Sdn Bhd untuk memberi taklimat perlindungan harta intelek kepada warga PMM.



Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah bersama Mr Mohan dan Pn Noor Aziah Yahaya Luddin; perunding Adastra Intellectual Property Sdn Bhd

PROGRAM MINGGU INOVASI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA SESI DISEMBER 2011

Program ini telah dilaksanakan pada 09-19 April 2012. Objektif program ini adalah mengetengahkan kemahiran peserta dalam bidang inovasi, mengetengahkan produk inovasi pelajar PMM dan menjalankan hubungan kolaborasi dengan agensi kerajaan, pihak industri dan syarikat persendirian dalam mengkomersilkan produk inovasi pelajar. Jabatan induk PMM telah menghantar sejumlah 56 projek inovasi keseluruhannya. Penghantaran produk ini adalah bagi memilih projek untuk menerima Anugerah Khas Pengarah, Anugerah Khas Juri dan Anugerah Khas Inovasi. Pertandingan bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.30 petang. Majlis Penutup pada 3.00 petang disempurnakan oleh Muhammad Aziph Dato' Mustapha, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif bagi Yayasan Inovasi Malaysia. Projek yang dikenalpasti berkualiti dan mempunyai nilai komersil perlu memohon Perlindungan Harta Intelek. Dalam masa yang sama, industri yang berupaya dan berminat untuk mengusahakan projek tersebut perlu dikenalpasti dan usahasama perlu dilakukan.



POLITEKNIK MERLIMAU CEMERLANG DI i-ENVEX 2012

i-ENVEX 2012 adalah pertandingan tahunan kerjasama antara ENVEX Young Researcher Club (EYReC), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Kementerian Pengajian Tinggi. Pada tahun ini, i-ENVEX bertemakan ***“Engineering for Society”*** berlangsung selama 3 hari iaitu pada pada 26-29 April di Kangar, Perlis. Pertandingan kali ini disertai oleh lebih dari 100 inventor dari 12 negara iaitu Malaysia, Indonesia, Korea, Egypt, UEA, Taiwan, Filipina, Kemboja, Iraq, Jerman, United Kingdom dan Canada. Penyertaan julung kali Politeknik Merlimau, Melaka telah menghantar dua penyertaan yang diwakili oleh pelajar dan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam melalui dua projek yang dinamakan *Nutshell* dan *Smart Concrete Hand Tool* akhirnya memperoleh kemenangan utama iaitu dengan memenangi Gold Medal - *Nutshell*, i-ENVEX Best Award Classed D (Building, Construction & Materials)- *Nutshell* and Silver Medal – bagi projek *Smart Concrete Hand Tool*. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Brig. General Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMap yang turut dihadiri oleh YB Dato' Mukhriz Tun Dr Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

BENGKEL PENULISAN GERAN PENYELIDIKAN

Bengkel Penulisan Geran Penyelidikan anjuran UPIK (Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersil Politeknik Merlimau Melaka telah berjaya dilaksanakan pada 27 April 2012 (Jumaat) bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Bilik Seminar 1 Unit Pembangunan Intruksional & Multimedia (UPIM). Penceramah Program ialah Dr. Aede Hatib Bin Musta'amal@Jamal dari Universiti Teknologi Malaysia. Bengkel ini bertujuan memberi peluang untuk mengetengahkan pensyarah-pensyarah PMM berkenaan penulisan dan permohonan geran pendidikan, ia juga bertujuan mewujudkan jalinan kolaborasi di antara pensyarah Politeknik Merlimau Melaka bersama industri luar serta menentukan halatuju penyelidikan, inovasi dan komersil sepertimana Pelan Strategik PMM 2012-2015.

BENGKEL PENULISAN PERMOHONAN PERLINDUNGAN HARTA INTELEK DAN ASAS PENGKOMERSILAN INTELEK

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 2 – 4 Mei di UPIM, PMM . Peserta telah *Check - in* di Tun Teja Suite, PMM dan taklimat program dilaksanakan pada 8.30 malam. Aluan bengkel telah diberikan oleh Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, perkongsian ilmu rekacipta oleh En.Mohd Fadzil Bin Basir Ahmad Ketua Program, Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik, pengenalan kepada paten oleh En. Mohd Fadzil Bin Basir Ahmad, perkongsian ilmu daripada konsultan yang terpilih oleh En. Lok Choon Hong Pengarah, PINTAS – Intellectual Property dan ceramah kepentingan & sensitiviti *Claims* (Teknik menulis *claims*) oleh En. Mohd Fadzil Bin Basir Ahmad diadakan pada 3 Mei. Pada 4 Mei pula diadakan Teknik Lukisan Paten oleh En. Mohd Fadzil Bin Basir Ahmad, teknik menulis *Brief Description of Drawing* oleh En. Mohd Fadzil Bin Basir Ahmad. Pada 11.00 pagi diadakan sesi soal jawab dan penutup bagi bengkel dilaksanakan. 1.00 tengahari peserta *Check-out*.



Dr. Aede Hatib Bin Musta'amal@Jamal





Dr Zulhabri Ismail MCIarb MIEEE Fellow of
Research Management Institute (RMI) Universiti
Teknologi MARA Malaysia

BENGKEL PENULISAN JURNAL AKADEMIK

Bengkel Penulisan Jurnal Akademik ini telah dilaksanakan pada 8 & 9 Mei di UPIM, PMM. Penceramah bagi Bengkel Penulisan Jurnal Akademik ini ialah Dr Zulhabri Ismail MCIarb MIEEE Fellow of Research Management Institute (RMI) Universiti Teknologi MARA Malaysia. Pada 8 Mei 2012 (Selasa) dilaksanakan pengenalan kepada penulisan jurnal akademik, elemen-elemen dalam penulisan jurnal akademik (*Abstract, Introduction, Literature Review, Methodology, Findings, Discussion & Conclusion*) dan Bengkel (Penulisan dalam Kumpulan). Pada 9 Mei 2012 diadakan Bengkel (Penulisan dalam Kumpulan) dan Pembentangan serta rumusan bengkel.

SEMINAR KEPIMPINAN PENYELIDIKAN



Seminar Kepimpinan Penyelidikan: Menjalankan, Menulis dan Menerbitkan Kajian Tindakan (Research Leadership : Doing, Writing and Publishing Action Research) telah dilaksanakan pada 20 Jun 2012 di Bilik Seminar Kuliah, Aras 5, Wisma RnD, Universiti Malaya. Peserta yang mengikuti seminar & bengkel ini ialah : Cik Rodzah Binti Hj. Yahya (Timbalan Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersil), Pn. Nazirah Binti Mohamad Abdullah (Pegawai Komersial UPIK) dan Pn. Farahaniza Binti Hj. Jaafar (Setiausaha 1 UPIK)

PERJUMPAAN UPIK BERSAMA DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM, KETUA MENTERI MELAKA DAN SYARIKAT PEMASARAN MELAKA SDN. BHD.

Perjumpaan dengan Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka bersama Syarikat Pemasaran Melaka Sdn.Bhd. dan Pengajian perjumpaan ialah Jabatan Pelancongan & Hospitaliti bersama Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersil (UPIK) telah dilaksanakan pada 4 Mei 2012. Perjumpaan telah berjalan dengan lancar dengan beberapa cadangan telah diutara oleh Ketua Menteri Melaka. Beliau telah manandatangani laporan projek untuk dilakukan kajian lanjutan oleh Melaka Biotechnology Sdn Bhd. Di antara kajian lanjutan tersebut ialah Analisa Kandungan Vitamin C dan Ujian Jangkahayat Produk. Seterusnya, Syarikat Pemasaran Melaka Sdn Bhd bersetuju untuk mengenalpasti dan menghubungi IKS yang sesuai untuk memproses Aiskrim Buah Melaka secara komersil. Dalam masa yang sama Ketua Menteri Melaka mencadangkan JPH dan UPIK untuk melaksanakan permohonan Perlindungan Harta Intelek ke atas Aiskrim Buah Melaka. Beliau turut mencadangkan agar PMM menghasilkan beberapa produk lagi berdasarkan Buah Melaka.

PAMERAN YAYASAN INOVASI MALAYSIA SEMPENA KARNIVAL SAINS & INOVASI MOSTI ZON SELATAN

Pameran Yayasan Inovasi Malaysia sempena Karnival Sains & Inovasi MOSTI Zon Selatan telah dilaksanakan pada 19 – 25 Jun 2012 bertempat di Persada Johor International Convention Centre (PERSADA) Johor Bahru. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Sains Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) anjuran bersama Unit Sains Teknologi & ICT (USTICT) Negeri Johor bersempena dengan Tahun Sains & Gerakan Inovasi Nasional (SGI) 2012 dan Minggu Sains Teknologi & ICT (MISTI) Negeri Johor 2012. Pelbagai program telah dirancang bagi menjayakan karnival ini. Antaranya Demonstrasi Sains & Musical Science Show oleh Pusat Sains Negara, Angkasawan Space Camp oleh Yayasan Angkasawan Malaysia, sesi bersama Angkasawan Negara MDFK, Pertandingan Amphibious Electric Vehicle, Kuiz Crime Scene Investigation oleh Jabatan Kimia & Seminar Sains dan Inovasi daripada agensi-agensi di bawah MOSTI seperti Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Agensi Remote Sensing Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia, CyberSecurity Malaysia & MDeC. Penyertaan Politeknik Merlimau adalah atas jemputan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

